

# Inspirasi kesihatan untuk wanita

**KOTA DAMANSARA** – Penjagaan kecantikan bukan sahaja di luaran, namun kecantikan dalaman sangat penting bagi golongan wanita.

Bertempat di Dewan Sunway, Kota Damansara, Klinik Imperial yang baru sahaja ditubuhkan enam bulan lalu telah mengadakan seminar bertajuk 'Mencegah Lebih Baik Dari Mengubat' (Prevention Better Than Securing) kepada pelanggannya yang lebih bertumpu pada golongan wanita.

Walaupun lebih memfokuskan kepada penjagaan kecantikan dan kesihatan dalaman serta luaran khususnya bagi golongan wanita namun golongan lelaki turut digalakkan membuat pemeriksaan kesihatan bagi mencegah diri dari dihadapi pelbagai penyakit.

Salah seorang Pengarah Klinik Imperial, Dr Akmal Suffia berkata, klinik ini ditubuhkan dengan inspirasi untuk membantu memberi rawatan kesihatan kepada golongan wanita baik dari segi kesihatan luaran dan dalaman.

"Ia menitikberatkan penjagaan kesihatan dalaman dan luaran ini kerana bagi kami,

kecantikan seorang wanita itu bukan hanya bergantung kepada luaran semata-mata namun harus memfokuskan aspek dalaman," ujarnya pada pelancaran seminar kesihatan yang diadakan di klinik itu baru-baru ini.

Katanya, golongan wanita yang berminat untuk menjaga kesihatan dialu-alukan untuk mendapatkan rawatan di klinik Imperial kerana inilah satu-satunya pusat perubatan yang bukan sahaja menyediakan rawatan kecantikan malah kesihatan.

"Klinik Imperial turut menyediakan beberapa pakej antaranya iaitu platinum, diamond, dan gold untuk orang ramai yang ingin mendapatkan rawatan di klinik ini dengan bayaran yang berpatutan," katanya.

Ia mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan seminar yang diadakan dengan orang ramai adalah bertujuan bagi memberi pendedahan kepada mereka tentang penjagaan kesihatan dengan lebih mendalam.

Seu bual bicara tersebut dibendakan oleh penceramah bebas, Dr Zukhri Ahmad.



Para peserta yang hadir pada satu sesi di Klinik Imperial, Kuala Lumpur, dengan Dr Akmal Suffia, Dr Umar dan Dr Mazlan.